



**KESAKSAMAAN GENDER UNTUK SEMUA**

**Laporan  
Tahunan  
2013**



Penang Women's Development Corporation

Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang

DITERBITKAN OLEH

**PWDC Sdn Bhd** (966791-W)

Tingkat 47, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang, Malaysia

T +604 261 2835; 261 5261

F +604 261 2839

E [info@pwdc.org.my](mailto:info@pwdc.org.my)

W [www.pwdc.org.my](http://www.pwdc.org.my)

Rekabentuk oleh Adrian Cheah, Neo Sentuhan Sdn Bhd

Dicetak oleh Delimax Sdn Bhd, Penang

# KANDUNGAN

<b>MENGENAI KAMI</b>	2
<b>VISI, KENYATAAN MISI DAN OBJEKTIF</b>	3
<b>LEMBAGA PENGARAH</b>	4
<b>STRUKTUR ORGANISASI</b>	5
<b>PERUTUSAN Pengerusi, YB Puan Chong Eng</b>	6
<b>BAJET RESPONSIF GENDER (BRG)</b>	
<b>Pengenalan</b>	10
▶ Transformasi Komuniti	10
▶ Penginstitusian BRG dalam MPPP dan MPSP	12
▶ Mempromosi BRG melalui Rakan Kongsi, Program dan Jalinan Rangkaian	14
▶ Pelaksanaan Projek Komuniti Baru	14
<b>PEMERKASAAN DAN KEPIMPINAN WANITA (WEL)</b>	
<b>Pengenalan</b>	16
▶ Pemerkasaan Gender dan Advokasi	16
▶ Briged Wanita Pulau Pinang	17
▶ Dialog Suara Wanita	18
▶ Dasar Jagaan Kanak-Kanak, Pelan Tindakan dan Latihan	19
<b>DASAR GENDER DAN ADVOKASI (GPA)</b>	
<b>Pengenalan</b>	22
▶ Merangka Dasar Gender	22
▶ Perwakilan dalam Badan-badan Pembuat Keputusan Peringkat Negeri	24
▶ Jalinan Rangkaian dan Perundingan dengan Rakan Kongsi Dalam dan Luar Negeri	24
<b>GALERI FOTO</b>	25

## MENGENAI KAMI

Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) merupakan sebuah agensi negeri yang berusaha ke arah mentransformasi Pulau Pinang menjadi satu masyarakat maju dan progresif melalui mempromosi kesamarataan dalam kalangan wanita dan lelaki, kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan tanpa mengira ethnuk, agama, gender atau latarbelakang sosio-ekonomi. PWDC percaya bahawa rakyat Pulau Pinang adalah kunci kepada kejayaan masa depan dan kemakmurannya. Justeru itu, kesemua wanita dan lelaki serta kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan mesti memiliki peluang, hak dan kebebasan untuk memajukan potensi diri mereka agar menjadi warga yang mampu menyumbang kepada pencapaian visi dan aspirasi Pulau Pinang.

Sejak penubuhannya pada November 2011, PWDC telah memainkan peranan pangsai sebagai agensi Kerajaan Negeri yang penting dalam menggerakkan pengarusperdanaan kesamarataan gender, keterangkuman sosial dan tadbir urus baik dalam semua sektor di Pulau Pinang. PWDC mencapai matlamatnya menerusi kerjasama dengan rakan kongsi bagi merancang dan melaksanakan projek responsif gender, mempertingkatkan kesedaran awam tentang isu-isu gender serta membina kapasiti dalam kalangan individu dan komuniti. PWDC juga mengadvokasi pelaksanaan langkah-langkah untuk merapatkan jurang gender antara lelaki dan wanita dalam sektor ekonomi, awam, politik dan urus tadbir.

Tatkala Pulau Pinang pesat membangun menuju kepada pencapaian aspirasinya sebagai masyarakat maju, PWDC akan terus mengolah strategi dan melaksanakan pelbagai pendekatan berampang mata dan pelbagai penjurong agar Pulau Pinang mengecapi perubahan yang bermakna lagi kekal. PWDC membayangkan masa depan di mana kesemua wanita dan lelaki, kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan akan mempunyai peluang yang saksama untuk menyumbang kepada dan meraih manfaat daripada sebuah Pulau Pinang yang menghargai dan mendokong prinsip-prinsip demokrasi partisipatif, hormat akan kepelbagaian dan maruah diri individu serta yang mengagungkan keterangkuman dan keadilan sosial.



Perbadanan Pembangunan  
Wanita Pulau Pinang

### “KESAKSAMAAN GENDER UNTUK SEMUA”



## **VISI**

PWDC mengagaskan sebuah Pulau Pinang yang mengarusperdanakan gender dalam segala dasar dan program di setiap sektor untuk mencapai keadilan sosial dan gender di negeri ini.

## **KENYATAAN MISI**

PWDC berusaha menyumbang kepada transformasi Pulau Pinang berasaskan prinsip kesamarataan substantif dan tadbir urus baik. Tunggak kepada usaha kami adalah pengiktirafan akan kepelbagaian identiti wanita, perwakilan wanita dalam semua bidang serta pengagihan semula sumber secara sama rata.

Kesemua ini akan dicapai melalui usaha-usaha penyelidikan serta advokasi dasar responsif gender, usaha pembangunan kapasiti, jalinan rangkaian secara strategik dan penganjuran program pemerkasaan wanita; bekerjasama dalam kerangka rakan kongsi pintar dengan kesemua peringkat kerajaan tempatan dan negeri, organisasi bukan kerajaan dan yang berasaskan komuniti, institusi akademik, sektor swasta serta orang awam.

## **OBJEKTIF**

Lima objektif utama PWDC adalah untuk:

**1. Membangunkan dasar responsif gender dan tadbir urus baik.**

**2. Membangkitkan kesedaran dan kefahaman akan gender dan keadilan sosial.**

**3. Meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang sosio-ekonomi dan politik.**

**4. Mengukuhkan keupayaan kepimpinan wanita dan proses pembuatan keputusan dalam semua sektor masyarakat.**

**5. Menambahbaik dan mempromosi konsep persekitaran inklusif dalam konteks masyarakat Pulau Pinang yang pelbagai ethnik, budaya dan agama.**

## LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah PWDC menawarkan nasihat dan panduan berhubung pelbagai dasar, program dan projek dalam bidang-bidang utama organisasi. Ahli lembaga pengarah setakat 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

▶ **Pengerusi (sejak Mei 2013): YB Puan Chong Eng**

▶ YB Dr. Norlela binti Ariffin

▶ Dr. Cecilia Ng Choon Sim

▶ Chin Soo Wah

▶ Hajjah Aida binti Haji Yusof Rawa

▶ Loh Cheng Kooi


▶ Mangaleswary a/p V. Kumarasamy

▶ Dr. Marina Lalitha Devi a/p A. David

▶ **Lim Kah Cheng (dilantik pada November 2013)**

PWDC ingin mengucapkan terima kasih kepada bekas Pengarah kami iaitu YB Puan Lydia Ong Kok Fook (juga Pengerusi sehingga Mei 2013), YB Dato' Law Choo Kiang, dan Dr. Lilis Surienty binti Abd Talib untuk segala khidmat nasihat dan sumbangan jasa bakti mereka.

# STRUKTUR ORGANISASI



## PERUTUSAN PENGERUSI

### YB Puan Chong Eng



Sejak 2008, Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah pimpinan Pakatan Rakyat telah mengutamakan komitmen untuk merubah Pulau Pinang menjadi sebuah bandaraya bertaraf antarabangsa dan pintar. Malah menjelang akhir 2013, rekod kejayaan Pulau Pinang adalah sesuatu yang menakjubkan – dengan catatan kadar pengangguran sifar, lebih belanjawan setiap tahun serta pengurangan hutang negeri sebanyak 95% dan kemasukan pelaburan bernilai RM36.1 bilion dari tahun 2008 hingga 2012.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Pulau Pinang percaya bahawa kemajuan sebenar bukanlah diukur secara kuantitatif semata-mata. Kami berkeyakinan bahawa transformasi Pulau Pinang seharusnya menjangkau aspek-aspek nyata seperti penambahan pendapatan asas, tahap kerancakkan aktiviti ekonomi atau kualiti dan kuantiti infrastruktur material. Dan kami juga sedar bahawa untuk mencapai transformasi yang diidamkan itu, Pulau Pinang harus juga memberi tumpuan kepada aspek-aspek pembangunan kemanusiaan dan sosial – memandangkan rakyat Pulau Pinang merupakan aset terpentingnya dan dengan yang demikian harus menjadi sasaran utama pelaburannya. Dalam ertikata lain, Pulau Pinang seharusnya menjadi tempat di mana wanita dan lelaki, kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan boleh – tanpa mengira bangsa, gender, pekerjaan atau latarbelakang – diterima masyarakat dan berupaya mengecapi segala matlamat hidup dan impian mereka.

Kerja berat “melabur” dalam rakyat Pulau Pinang pasti akan memerlukan masa, sumber dan usaha berterusan. Di sinilah PWDC sebagai agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai peranan yang unik dan pangsi untuk digalas. Semenjak 2 tahun kebelakangan ini, PWDC telah merintis dan menawarkan program-program inovatif dalam usaha pembinaan kapasiti, memupuk sikap kewarganegaraan dan menyemai semangat kepimpinan dalam kalangan individu dan komuniti di peringkat akar umbi. Menerusi pelbagai projek dan program usahasanya, PWDC berjaya mendampingi ribuan wanita di seluruh Pulau Pinang pada tahun 2013 yang mana usaha ini bakal membawa pulangan kepada negeri ini.

Namun, adalah penting untuk menyedari hakikat bahawa pemerksaan wanita dan komuniti tidak boleh dicapai dalam sekelip mata. Cabaran yang bakal menjelma adalah perit dan mencabar. Sehingga kini, wanita di seluruh Pulau Pinang dan Malaysia menghadapi pelbagai halangan sosio-ekonomi bertitik tolak dari kemiskinan dan deprivasi kepada ketiadaan akses dan ketandusan peluang. Wanita juga masih lagi perlu berdepan prasangka masyarakat, institusi dan individu yang memperlekehkan sumbangan dan kepimpinan mereka yang



sekaligus menghalang mereka dari berkecimpung secara bebas dalam sektor ekonomi, awam, politik dan urus tadbir. Wanita juga menghadapi stereotaip berbahaya mengenai peranan dan keupayaan mereka, diskriminasi, penafian hak asasi, penderaan dan keganasan. Disebabkan semua pancaroba ini, wanita jarang berupaya memenuhi potensi sebenar mereka. Memandangkan pelbagai cabaran yang bakal menjelma, PWDC akan mengatur strategi serta melaksanakan pendekatan berampang mata dan berperingkat untuk membawa perubahan bermakna dan kekal dari segi keadilan gender dan sosial.

Walaupun terpaksa mengharungi pelbagai cabaran, PWDC bangga kerana berjaya mengorak langkah melaksanakan pelbagai projek walaupun baru berusia dua tahun. Malah pencapaian yang dikecapi setakat ini, seperti yang digalurkan di bawah, pasti akan menjadi pembakar semangat keyakinan yang bakal mendorong kita ke arah melakar lebih banyak mercutanda kejayaan di masa depan.

Pada tahun ini, program **Bajet Responsif Gender (BRG)** PWDC melebarkan sayapnya dengan mendadak berkat kerjasama yang dijalin dengan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Gandingan ini telah memacu promosi program-program seperti pemekaan gender, pembajetan partisipatif dari peringkat akar umbi, demokrasi tempatan, dan pemeraksanaan akar umbi dalam kalangan rakyat Pulau Pinang. Dalam konteks ini, PWDC bukan sahaja mempertingkatkan projek sedia ada di dua komuniti perumahan kos rendah yakni PPR Jalan Sungai di Daerah Timur Laut dan PPR Ampangan di Seberang Perai Tengah, tetapi juga meletakkan batu asas untuk projek BRG baru di Kampung Sungai Cheenam dan Taman Tambun Indah di Seberang Perai Selatan.

Hasil dari pelaksanaan projek BRG menguntum kejayaan apabila tahap kebersihan dan keadaan fizikal rumah pangsa kos rendah di PPR Jalan Sungai meningkat secara signifikan setelah para penghuni mula menggalas tanggungjawab serta menzahirkan rasa pemilikan ke atas persekitaran mereka. Satu

Kontrak Komuniti, yang julung kali diperkenalkan di Pulau Pinang, telah dimeterai antara MPPP dan Persatuan Penduduk PPR Jalan Sungai untuk mewujudkan peluang kerja buat penghuni serta mengekalkan persekitaran bersih pada peringkat komuniti. Pendek kata melalui inisiatif BRG, PWDC terus mengeratkan hubungan sesama rakyat Pulau Pinang dan pihak berkuasa tempatan bagi menjelmakan perubahan yang tampak ketara.

Matlamat muktamad projek BRG adalah agar konsep partisipatif dan responsif gender dapat diinstitusikan dalam kitaran proses bajet Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan. Untuk tujuan ini, pada tahun 2013, PWDC meneruskan sesi latihan, dialog, dan meja bulat mengenai Gender, Tadbir Urus Baik dan BRG, pemetaan data jantina tak diagregat untuk pemegang taruh utama, khususnya anggota staf MPSP, ketua jabatan dan ahli majlis perbandaran. Sebagai pelopor langkah-langkah ini serta yang bakal tiba, PWDC berbangga kerana dapat memainkan peranan utama dalam proses pengarusperdanaan gender di peringkat pihak berkuasa tempatan.

Menerusi program **Pemeriksaan Wanita dan Kepimpinan (WEL)**, PWDC terus menganjurkan dan mengendalikan aktiviti bertujuan meningkatkan kesedaran tentang Kesamarataan Gender dan Tadbir Urus Baik. Di samping itu, PWDC juga mengadakan sesi pembinaan kapasiti, latihan kepimpinan dan penjalinan rangkaian dalam kalangan wanita dari semua lapisan masyarakat. Antara sesi yang menonjol termasuklah siri *Dialog Suara Wanita*, *Ceramah Motivasi untuk Wanita*, dan *Lean In @ Penang* yang menyasarkan wanita dalam sektor korporat.

Program WEL juga merupakan perantara melalui mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang berjaya melancarkan *Briged Wanita Pulau Pinang (BWPP)*, satu pasukan sukarelawan yang dipacu akar umbi dan yang ditugaskan mengenal pasti dan mendaftar wanita yang layak menerima bantuan di bawah program-program sokongan yang dikendalikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Antara bentuk bantuan dan sokongan yang dihulurkan

termasuklah cenderahati untuk ibu tunggal dan suri rumah, kemudahan mikro-kredit dan penyaringan mammogram percuma. Menjelang akhir 2013, lebih 1,500 wanita dari seluruh negeri Pulau Pinang telah menjadi ahli BWPP. Usaha-usaha sedang dipergiatkan untuk mempertingkatkan keupayaan BWPP berfungsi sebagai satu rangkaian bagi memudahcara akses wanita kepada sumber dan aktiviti pembinaan kapasiti.

Satu mercutanda baru tercapai apabila Kerajaan Negeri Pulau Pinang secara rasminya menerima guna dan melaksanakan Dasar Jagaan Kanak-Kanak Pulau Pinang dan Pelan Tindakan (2013-2015) yang digubal PWDC. Impak Dasar Jagaan ini tidak sahaja terhad kepada penawaran satu perkhidmatan yang amat didambakan oleh ramai keluarga tapi juga kerana ia menawarkan wanita pilihan untuk kekal dalam tenaga kerja dan dengan yang demikian menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Menjelang penghujung 2013, PWDC berjaya menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak (taska) yang pertama di KOMTAR untuk kakitangan kerajaan. Usaha sedang diambil untuk memperluaskan akses kepada kemudahan penjagaan kanak-kanak serta penawaran latihan di seluruh Pulau Pinang bagi membantu ibu bapa bekerja, golongan pengasuh dan penjaga serta penawar perkhidmatan asuhan kanak-kanak dalam sektor awam, swasta dan yang berpusat di rumah.

Sepanjang tahun 2013, PWDC telah mendekati wanita dan warga Pulau Pinang dari pelbagai bangsa, agama dan bahasa menerusi bengkel yang dirangka khusus, forum, syarahan umum dan aktiviti mempertingkatkan kesedaran. PWDC berbangga kerana berupaya mendampingi lebih 3,000 individu dari seluruh Pulau Pinang dengan niat meningkatkan kesedaran mereka tentang kesamarataan gender dan tadbir urus cemerlang serta melatih mereka menjadi agen perubahan masyarakat dan kemajuan sosial.



Sejajar dengan matlamat PWDC mencapai sasaran pengarusperdanaan gender dalam urus tadbir Pulau Pinang, pasukan program **Dasar Gender dan Advokasi (GPA)** merangka satu Dasar Gender dan Pelan Tindakan untuk pertimbangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Dokumen Dasar Gender ini menggariskan 4 objektif utama yakni sekuriti ekonomi untuk semua, kebebasan dari keganasan berasaskan gender, agihan kuasa dan pengaruh yang saksama serta tadbir urus berciri responsif gender dan partisipatif di samping saranan-saranan untuk pelaksanaan. Dalam ertikata lain, Dasar Gender dan Pelan Tindakan ini bakal membentuk satu kerangka menyeluruh di bawah mana Kerajaan Negeri dan PWDC akan menggerakkan langkah-langkah spesifik untuk memupuk dan mencapai kesamarataan gender dan keadilan sosial.

Tika kita menghampiri penghujung tahun, saya berbangga menyatakan bahawa PWDC telah terus kekal memainkan peranan pangsinya sebagai agensi utama Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dipertanggungjawabkan melaksana dan mengarusperdanakan kesamarataan gender, pembangunan wanita dan tadbir urus responsif gender.

Sebagai penutup bicara, saya ingin merakamkan terima kasih dan penghargaan saya kepada semua jabatan Persekutuan dan Negeri, agensi, institusi sektor swasta, syarikat, NGO, rakan komuniti, sukarelawan dan orang awam atas sokongan dan sumbangan penuh bermakna mereka kepada kejayaan usaha-usaha PWDC. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan sejawat saya di Lembaga Pengarah PWDC, Jawatankuasa-jawatankuasa Penasihat PWDC dan juga kepada Pengurusan dan Staf PWDC kerana dedikasi dan kerja keras yang dipamerkan mereka dalam menyahut segala cabaran dan permintaan yang diajukan pada tahun 2013.

Terima kasih.

*YB Puan Chong Eng*

Pengerusi

Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang


# BAJET RESPONSIF GENDER (BRG)



*Projek pengecatan semula PPR Jalan Sungai.*



*Sebelum*



*Selepas*

## KELOMPOK BERLAINAN KEPERLUAN BERBEZA



## PENGENALAN

Sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang melaksanakan prinsip-prinsip CAT (kompetensi, akauntibiliti dan ketelusan) dalam semua aspek tadbir urus, PWDC telah menggubal satu program Bajet Responsif Gender (BRG) untuk memastikan keperluan kedua-dua lelaki dan wanita yang bermastautin di Pulau Pinang dipenuhi. Matlamat utama program BRG adalah untuk menjadikan proses penggubalan bajet oleh kerajaan lebih responsif gender, berteraskan aspek penglibatan dan lebih bersifat inklusif kepada pelbagai komuniti yang bermastautin di Pulau Pinang. Dalam erti kata lain, PWDC berkeyakinan bahawa kerajaan akan bergerak secara lebih efektif sekiranya ia bersikap lebih responsif dalam peruntukan sumber bagi memenuhi pelbagai keperluan warga Pulau Pinang yang berbeza.

Pada asasnya, pasukan BRG PWDC bekerja secara bergandingan dengan MMK Kerajaan Tempatan serta kedua-dua pihak berkuasa tempatan di Pulau Pinang yakni Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) and Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Sejak 2012, projek pilot BRG untuk komuniti berpendapatan rendah telah menasaskan masyarakat PPR Jalan Sungai di bawah bidang kuasa MPPP dan masyarakat PPR Ampangan di bawah bidang kuasa MPSP untuk tujuan pemerkasaan. Akibat tumpuan ini, kedua-dua projek tersebut telah berjaya memperkasakan penghuni rumah pangsa kos rendah di PPR berkenaan sehingga mereka mampu bermuamalat dengan pihak berkuasa tempatan untuk memberi input dan maklumbalas terus berhubung perkhidmatan yang benar-benar diperlukan mereka. Berkat keupayaan menzahirkan keperluan utama mereka serta kebolehan memastikan pihak berkuasa tempatan bertindakbalas responsif kepada permintaan mereka, kedua-dua komuniti tersebut telah mengalami transformasi mendadak dalam jangka waktu dua tahun sejak pengenalan konsep BRG. Pengurangan vandalisma, penambahbaikan dalam aspek kebersihan dan peningkatan tahap tanggungjawab komuniti adalah antara indikator



keberkesanan Projek Pilot BRG tersebut yang juga telah membantu penjanaan penjimatan kos untuk kedua-dua MPPP dan MPSP.

Dalam tahun 2013, program BRG telah berjaya melakarkan beberapa mercutanda signifikan dalam aspek-aspek berikut:

### Transformasi Komuniti

Pada tahun 2012, PWDC melalui program BRG berjaya melaksanakan pelbagai prosedur inovatif yang membenarkan penduduk PPR Jalan Sungai dan PPR Ampangan – wanita, lelaki, kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan dari pelbagai lapisan masyarakat – mengundi akan bagaimana mereka ingin MPPP and MPSP menyenaraikan keutamaan serta membelanjakan peruntukan bajet untuk kedua-dua komuniti. Natijah dari respon yang pantas dan efektif yang diperlihatkan oleh kedua-dua majlis perbandaran, transformasi sosial dan fizikal di kedua-dua kawasan berkenaan adalah amat mengagumkan.

Di **PPR Jalan Sungai**, MPPP melipatgandakan usahanya serta menambah bajet projeknya untuk menaiktaraf aspek fizikal rumah pangsa kos rendah berkenaan serta kawasan rekreasi luar. Hasil sesi dialog dan projek yang dianjurkan bersama oleh PWDC, MPPP dan komuniti, penduduk setempat telah tampil mengambil bahagian bagi mengurangkan jenayah vandalisma, mempertingkatkan aspek keselamatan dan menyelenggara persekitaran fizikal PPR Jalan Sungai. Respon positif komuniti berkenaan

telah menggerakkan MPPP untuk memperuntukkan dana tambahan untuk projek mengecat semula rumah pangsa di PPR tersebut yang mana keputusan pemilihan warna cat diserahkan kepada penghuni sejajar dengan prinsip penglibatan dan berteraskan-warga yang mendasari pendekatan BRG.

Kejayaan usaha PWDC memperkasakan komuniti berkenaan mengakibatkan jalinan kerjasama terus di antara MPPP dan Persatuan Penghuni PPR Jalan Sungai (PKPJS) yang mana kerjasama bersejarah ini dizahirkan dalam bentuk sebuah Kontrak Komuniti. Kontrak Komuniti ini, yang terulung di Pulau Pinang, memperuntukkan penggajian penduduk setempat untuk mengurus dan menyelenggara aspek keselamatan dan persekitaran fizikal kawasan berkenaan. Hasil pemeteraian kontrak bersejarah ini, tahap kebersihan kawasan PPR berkenaan telah meningkat secara mendadak. Sepanjang tahun 2013, penduduk PPR Jalan Sungai juga telah membina rasa milik dan menggalas tanggungjawab ke atas persekitaran mereka yang sekaligus telah mempercepatkan proses transformasi dan penambahbaikan kesejahteraan hidup mereka. Malah menjelang penghujung 2013, PPR Jalan Sungai telah menjadi salah satu di antara kawasan perumahan kos rendah yang terbersih di Pulau Pinang.

Di **PPR Ampangan**, berikutan rundingan dan perbincangan dengan penduduk setempat, MPSP telah menaiktaraf kemudahan rekreasi di kawasan tersebut dengan menambah dua kawasan rehat,

lalu refleksologi dan pemasangan peralatan gim/riadah luar yang direkacipta khusus untuk memenuhi keperluan wanita, lelaki, kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan yang berbeza dalam komuniti berkenaan. Susulan usaha PWDC yang berterusan untuk mempertingkatkan kesedaran serta mendidik komuniti PPR Ampangan akan prinsip tadbir urus, para penduduk PPR tersebut telah lebih berkecimpung dalam hal ehwal komuniti setempat serta lebih berminat mendalami konsep tadbir urus yang baik. Sebagai contoh, buat julung kalinya, penduduk PPR Ampangan hadir di sesi Dialog Bajet MPSP bersama-sama penduduk lain dari seluruh Seberang Perai dengan ketua jabatan, pegawai dan ahli majlis MPSP.

Sepanjang 2013, PWDC bukan sahaja membantu menjalin hubungan dan mewujudkan silaturahim antara staf majlis perbandaran tempatan dan penduduk setempat kedua-dua PPR tetapi juga antara kalangan penduduk berbilang kaum dan berlainan agama dalam kedua-dua komuniti berkenaan. PWDC mencapai matlamat ini melalui penganjuran dan penglibatannya dalam pelbagai aktiviti interaktif, program peningkatan kesedaran dan majlis perayaan bertujuan mengeratkan hubungan dan memperkasa pelbagai kumpulan penduduk setempat. Pujian khusus harus diberikan kepada Penang Arts-Ed yang membantu dalam penganjuran program bersama untuk kanak-kanak PPR Jalan Sungai bertujuan membangunkan bakat dan minda mereka melalui pendekatan berasaskan seni. PWDC juga berganding dengan Pusat Wanita untuk

Perubahan, Pulau Pinang (WCC) serta Soroptimist Antarabangsa Pulau Pinang (SIP) untuk menganjurkan ceramah berhubung Keganasan Terhadap Wanita (VAW) bagi kaum wanita dan lelaki PPR Jalan Sungai. Berdasarkan kejayaan siri ceramah tersebut, PWDC merancang menganjurkan satu siri ceramah dan latihan susulan dalam tahun 2014 untuk mendekati lebih ramai penduduk PPR berkenaan.

Dalam meneliti pencapaian yang dikecapi melalui inisiatif BRG



sepanjang 2013, PWDC sebagai satu agensi Kerajaan Negeri bangga dengan keupayaannya memainkan peranan penting merapatkan hubungan antara pihak berkuasa tempatan dan warga Pulau Pinang melalui komitmen berterusan serta penganjuran aktiviti strategik.

Acara dan aktiviti signifikan yang dianjurkan di kedua-dua PPR termasuklah:

**23<sup>hb</sup> Februari 2013: Majlis sambutan Chap Goh Meh bertujuan mempromosi konsep kepelbagaian budaya dalam kalangan masyarakat PPR Jalan Sungai.**

**10<sup>hb</sup> Mac 2013: Pelancaran Rasmi Pengecatan Semula dan Penaiktarafan Taman Rekreasi di PPR Jalan Sungai.**

**7<sup>hb</sup> April 2013: Hari Keluarga dan Pelancaran Fasa 4 Pelaksanaan BRG untuk penduduk PPR Ampangan bertempat di Taman Bandar.**

**21<sup>hb</sup> April 2013: Sesi Pembinaan Kapasiti mengenai peranan dan tanggungjawab dalam komuniti serta perancangan program dan aktiviti untuk ahli AJK LA21 Ampangan dan Biro Penduduk PPR Ampangan.**

**28<sup>hb</sup> April 2013: Sesi Pembinaan Kapasiti mengenai peranan dan tanggungjawab dalam komuniti untuk ahli Persatuan Penduduk '09 PPR Jalan Sungai.**

**2<sup>hb</sup> Jun 2013: Hari Ibu Bapa di PPR Ampangan.**

**22<sup>hb</sup> Julai 2013: PWDC-MPSP membuka tender untuk menaiktaraf Taman Rekreasi PPR Ampangan.**

**25<sup>hb</sup> Julai 2013: Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran dan Majlis Buka Puasa di PPR Jalan Sungai.**

**25<sup>hb</sup> Ogos 2013: Pelancaran Rasmi Taman Rekreasi PPR Ampangan, sambutan Hari Merdeka dan Majlis Rumah Terbuka di PPR Ampangan.**

**8<sup>hb</sup> Oktober 2013: Upacara Menandatangani Kontrak Komuniti dan Sidang Akhbar di PPR Jalan Sungai.**

**16<sup>hb</sup> November 2013: Pelancaran Kempen Kebersihan dan Peraduan Lukisan untuk Kanak-Kanak bertemakan Kebersihan (bersama Arts-Ed) di PPR Jalan Sungai.**

**7<sup>hb</sup> Disember 2013: Ceramah bertajuk Keganasan Terhadap Wanita (VAW) anjuran bersama Pusat Wanita untuk Perubahan, Pulau Pinang (WCC) dan Soroptimist Antarabangsa Pulau Pinang bertempat di PPR Jalan Sungai.**

### **Penginstitusian BRG dalam MPPP dan MPSP**

Sepanjang 2013, PWDC terus menyokong penginstitusian gender, tadbir urus baik serta prinsip dan amalan BRG di kedua-dua MPPP and MPSP. PWDC mencapai objektifnya dengan menjalankan latihan pembinaan kapasiti dan kemahiran dalam metodologi dan instrumen BRG bagi ahli majlis perbandaran, pegawai dan staf kedua-dua pihak berkuasa tempatan.

Dalam tahun 2012, MPPP membentuk Kumpulan Kerja BRG (BRGWG) serta Kumpulan Sokongan Teknikal BRG untuk memantau perkara-perkara berkaitan BRG, menangani isu-isu spesifik dan memastikan pengambilan tindakan serta merta. MPSP juga mewujudkan Kumpulan Kerja BRG (yang kemudiannya diganti oleh Jawatankuasa Gender yang terdiri daripada Yang Dipertua MPSP, ketua jabatan dan 12 ahli majlis) untuk melaksanakan fungsi yang serupa. Sebagai usaha pembinaan kapasiti dan kefahaman untuk semua pemegang taruh dalam kerajaan tempatan, PWDC menganjurkan Dialog Gender untuk 17 ahli majlis, dan 4 ketua jabatan MPSP serta mengadakan bengkel untuk 100 staf dari tingkat 17-44 di MPSP. Kedua-dua inisiatif ini adalah mirip bengkel yang dijalankan untuk staf MPPP pada tahun 2012.

PWDC juga menganjurkan dua meja bulat berasingan untuk membincangkan data tak diaggregat gender yang dikumpul dan dianalisa oleh Dr. Jacqueline Fernandez, seorang pakar runding dari Universiti Sains Malaysia (USM). Meja bulat ini telah dihadiri oleh ahli Jawatankuasa Pemandu BRG peringkat negeri, Yang Dipertua MPPP dan MPSP, ahli majlis, ketua



jabatan serta ahli-ahli Kumpulan Kerja BRG MPPP dan Jawatankuasa Gender MPSP. Dapatan kajian termasuk bilangan pengguna secara tak diagregat dan survei di kawasan awam terpilih termasuklah perpustakaan, pasar dan taman rekreasi bertujuan menganggar kekerapan penggunaan, kecukupan kemudahan dan kepuasan hati pelanggan terhadap perkhidmatan yang ditawarkan oleh kedua-dua pihak berkuasa tempatan. Pada penghujung sesi meja bulat berkenaan, wakil-wakil dari MPPP dan MPSP bersetuju akan kepentingan memperoleh dan menggunakan data gender tak diagregat untuk tujuan perancangan, penggubalan dasar dan penyediaan belanjawan bagi memastikan keperluan gender yang berlainan dipenuhi.

MPPP dan MPSP juga telah melancarkan survei atas talian untuk memperoleh maklumbalas berhubung Bajet 2014 sebagai pelengkap kepada usaha PWDC mengumpul data gender bagi menambahbaik serta memperhalusi penggubalan dasar dan penawaran perkhidmatan. Survei ini yang mengandungi soalan-soalan sensitif gender dan perspektif gender bertujuan untuk memperolehi maklumbalas terperinci dari penduduk Pulau Pinang. Di samping itu, PWDC juga menjalankan BIA atau Analisis Insiden Faedah (kuantitatif) dan Penilaian Impak Benefisiari (kualitatif) berhubung aktiviti dan acara komuniti BRG yang diadakan bertujuan mengukur tahap penyertaan gender berbanding dana awam yang dibelanjakan. PWDC juga telah melaporkan dapatan BIA tersebut kepada kedua-dua MPPP dan MPSP pada mesyuarat suku tahunan Kumpulan Kerja BRG dan Jawatankuasa Gender kedua-dua majlis perbandaran tersebut.

Walaupun pembinaan kapasiti merupakan proses yang panjang dan berterusan, PWDC bangga akan kejayaan yang dicapainya dalam memperkenalkan bukan sahaja konsep-konsep efektif tetapi juga metodologi penilaian dan pengumpulan data mampan yang berupaya membantu pemegang taruh kerajaan tempatan dalam proses membuat keputusan serta proses pelaksanaan dasar. Pada masa hadapan, PWDC berhasrat melebarkan latihan penguasaan metodologi dan peningkatan kesedaran terhadap gender, tadbir urus baik dan BRG melangkaui peringkat pihak berkuasa tempatan kepada agensi-agensi penting dalam Kerajaan Negeri.

Tarikh dan aktiviti utama termasuklah:

**17<sup>hb</sup> Januari 2013: Pembentangan Laporan PWDC-BRG kepada Jawatankuasa Kewangan dan Pentadbiran MPSP.**

**21<sup>hb</sup> Januari 2013: Diskusi Meja Bulat MPSP mengenai Data Gender Tak Agregat.**

**5<sup>hb</sup> Februari 2013: Diskusi Meja Bulat MPPP mengenai Data Gender Tak Agregat.**

**21<sup>hb</sup> Mac 2013: Mesyuarat Pertama BRGWG MPSP.**

**25<sup>hb</sup> April 2013: Mesyuarat Pertama BRGWG MPPP.**

**11<sup>hb</sup> Jun 2013: Mesyuarat Jawatankuasa Gender MPSP.**

**13<sup>hb</sup>-14<sup>hb</sup> Jun 2013: Sesi Pembinaan Kapasiti PWDC-BRG berhubung Kefahaman Gender dan Tadbir Urus Baik untuk staf MPSP pada tingkat 27-44.**

**2<sup>hb</sup> Julai 2013: Lawatan Kerja MPSP-PUSPANITA ke PWDC.**

**4<sup>hb</sup>-5<sup>hb</sup> Julai 2013: Dialog Gender PWDC-BRG dengan Ahli Majlis MPSP.**

**28<sup>hb</sup>-31<sup>hb</sup> Oktober 2013: Latihan BRG untuk staf MPSP tingkat 27-44.**

## Mempromosi BRG melalui Rakan Kongsi, Program dan Jalinan Rangkaian

Sepanjang 2013, PWDC telah bertungkus lumus menjalinkan hubungan akrab dengan rakan kongsi luar, mengendalikan program bersama, meningkatkan publisiti serta melipatgandakan usaha mempromosi kesedaran tentang gender dan BRG. Antara rakan kongsi utama PWDC di Pulau Pinang termasuk Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri untuk Batu Maung, Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) Pulau Betong di Balik Pulau, Klinik Bantuan Guaman Bergerak (MOBLAC), dan SUARAM. PWDC juga telah berkongsi pengalaman tentang BRG dengan pihak-pihak berminat dari Korea Selatan, Jerman dan Kanada.

Antara aktiviti utama jalinan rangkaian dan rakan kongsi termasuklah:

23<sup>hb</sup> Mei 2013: Lawatan rombongan dari Universiti Lethbridge, Alberta, Canada.

8<sup>hb</sup> Jun 2013: Gerai Pameran PWDC-BRG di Pesta Georgetown.

6<sup>hb</sup> Julai 2013: Gerai Pameran PWDC-BRG pada Hari Majlis dan Dialog Bajet MPSP.

1<sup>hb</sup> September 2013: Gerai Pameran PWDC-BRG semasa Program Ibu Bapa Mithali anjuran Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Maung.

12<sup>hb</sup> September 2013: Temuramah dengan wartawan dari akhbar The Segye Times, Korea Selatan mengenai pengalaman Pulau Pinang dengan BRG.

21<sup>hb</sup>-22<sup>hb</sup> September 2013: Gerai Pameran PWDC-BRG di Ekspo Hijau Pulau Pinang 2013 bertempat di PISA.

14<sup>hb</sup>-26<sup>hb</sup> November 2013: Lawatan Kerja BRG dan Penilaian Projek oleh Dr. Regina Frey, Ketua Biro Gender di Berlin, Jerman.

29<sup>hb</sup> November 2013; Taklimat PWDC-BRG kepada JKKK Pulau Betong di Balik Pulau.

13<sup>hb</sup> Disember 2013: Taklimat BRG kepada peserta Parlimen Belia SUARAM.

## Pelaksanaan Projek Komuniti Baru

Tatkala 2013 melabuhkan tirai, PWDC berhasrat melebarkan capaian program BRG ke lebih banyak kumpulan komuniti serta kawasan perumahan di seluruh Pulau Pinang. Usaha ini adalah berteraskan keyakinan PWDC bahawa BRG berpotensi besar dalam usaha membangunkan komuniti lelaki dan wanita, kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan yang bersatu padu, berkesedaran sosial, sensitif gender dan yang mampu berkerjasama erat dengan semua peringkat kerajaan bagi mentransformasi kehidupan diri mereka dan kesejahteraan masyarakat umum.

Pada penghujung 2013, PWDC mendampingi masyarakat **Kampung Sungai Chenaam**, Nibong Tebal di Seberang Perai Selatan melalui pelaksanaan projek BRG yang berfokus kepada golongan wanita dan belia dalam komuniti tersebut. Sehubungan itu, PWDC juga bercadang menganjurkan Dialog Bajet antara MPSP dan penduduk Kampung Sungai Cheenam pada tahun 2014 dengan tujuan mengenalpasti keperluan utama masyarakat setempat.

Sejajar dengan usaha merealisasikan agenda Kerajaan Negeri untuk 'Pulau Pinang yang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat', PWDC sedang bekerjasama dengan MPSP untuk mewar-warkan konsep tanggungjawab komuniti serta aktiviti kitar semula dalam kalangan penduduk **Taman Tambun Indah** di Seberang Perai Selatan. Kerjasama ini adalah juga sejajar dengan hasrat MPSP mentransformasi kawasan berkenaan kepada komuniti sisa sifar melalui usaha pengkomposan sisa buangan makanan kepada baja dari menghantar bahan buangan organik itu ke tapak pelupusan sampah Pulau Burung. Seiringan dengan itu, PWDC juga bercadang merangkumkan amalan-amalan inklusif gender ke dalam program ini. Di samping itu, PWDC juga berhasrat bekerjasama dengan komuniti setempat bagi menjayakan usaha MPSP mengurangkan penjanaan bahan buangan sebanyak 5% di Seberang Perai.



# PEMERKASAAN DAN KEPIMPINAN WANITA (WEL)



## PENGENALAN

Sejajar dengan niat Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperkasakan kaum wanita di negeri ini, PWDC melalui pasukan WEL berusaha meningkatkan penyertaan, kepimpinan dan pembangunan kapasiti wanita melalui program 'outreach' dan 'engagement'. Secara khusus, PWDC berusaha meningkatkan kefahaman, kemahiran praktikal, kapasiti dan jaringan sokongan dalam kalangan pembuat keputusan, pemimpin wanita sedia ada dan yang berpotensi serta wakil komuniti tempatan dari setiap peringkat dalam aspek kesamarataan gender, kepimpinan wanita, tadbir urus baik dan hak asasi manusia.

Teras kepada pendekatan PWDC adalah kefahaman bahawa proses pemerksaan memerlukan penambahbaikan tahap sosio-ekonomi wanita. Untuk mencapai matlamat ini, PWDC sebagai suatu agensi negeri berusaha meningkatkan kebolehcapaian wanita terhadap sumber, terutamanya mereka yang berasal dari kumpulan berpendapatan rendah serta dari kumpulan rentan lain.

Sepanjang tahun ini, PWDC melalui program WEL telah mencapai beberapa mercutanda dalam gerakkerjanya, terutamanya dalam bidang-bidang utama yang berikut:

### Pemerksaan Gender dan Advokasi

Untuk mendekati dan memperkasakan wanita dari segala lapisan masyarakat, pasukan WEL telah menganjurkan pebagai aktiviti bertujuan mempertingkatkan kefahaman dan kesedaran awam berhubung kesamarataan gender, hak asasi manusia, keadilan sosial, diskriminasi dan keganasan terhadap wanita. Aktiviti ini termasuklah bengkel latihan, sesi dialog, seminar, forum, sesi menjalin rangkaian serta sambutan perayaan.

Kebanyakan acara berkenaan dianjurkan bersama dengan Pejabat EXCO Negeri untuk Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, agensi Kerajaan Negeri yang lain, pertubuhan NGO wanita, golongan peniaga tempatan, persatuan kebudayaan, sekolah serta institusi komuniti yang lain. Melalui aktiviti-



aktiviti seumpama ini PWDC telah berjaya merapatkan hubungan dengan ribuan penduduk Pulau Pinang.

Aktiviti-aktiviti utama termasuklah:

2<sup>hb</sup> Mac 2013: Majlis Jalinan Rangkaian bertajuk *Wanita Pemangkin Ekonomi: Fiesta Keusahawanan Wanita Seberang Jaya* (melalui kerjasama dengan Koperasi Ibu Tunggal dan Wanita Seberang Perai Tengah) bertempat di Auditorium MPSP, Bandar Perda, Seberang Perai Tengah.

8<sup>hb</sup> Mac 2013: Majlis Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2013 (Pulau Pinang) anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang bertempat di Padang Kota Lama, George Town, Daerah Timur Laut.

9<sup>hb</sup> Mac 2013: Majlis Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2013 (Seberang Perai) anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang bertempat di Summit Plaza, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah.

18<sup>hb</sup> Mei 2013: Seminar bertajuk '*Wanita sebagai Agen Perubahan dan Kesamarataan Gender*' dalam Bahasa Mandarin bertempat di i-Lohas Centre, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah.

6<sup>hb</sup> Julai 2013: Ceramah Motivasi di Peringkat Komuniti bertajuk *Yakin Diri Tingkat Prestasi* oleh Pn Noor Zakiah Shuhadah Zakaria (kerjasama dengan Pusat Perkhidmatan Wanita Seberang Perai and Pertubuhan MAWAR) di Penaga, Seberang Perai Utara.



3<sup>hb</sup> Ogos 2013: Ceramah bertajuk '*Wanita dan Kecantikan*' berfokuskan pada stereotaip sosial mengenai tubuh wanita di JCI Pearl Beauty Seminar (kerjasama dengan JCI Pearl Pulau Pinang) bertempat di Bayview George Town Hotel, George Town, Daerah Timur Laut.

28<sup>hb</sup> September 2013: Bengkel Pembinaan Kapasiti mengenai Keganasan Terhadap Wanita (VAW) dan Keganasan Domestik untuk JKKK Wanita dari Daerah Timur Laut; ahli-ahli Brigid Wanita Pulau Pinang; serta wakil-wakil NGO (kerjasama dengan Pusat Wanita untuk Perubahan, Pulau Pinang (WCC)) bertempat di Pusat Latihan WCC, George Town, Daerah Timur Laut.

29<sup>hb</sup> Oktober 2013: Bengkel Inisiasi Lean In @ Penang (menyokong Pejabat EXCO Negeri untuk Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti) bertempat di E&O Hotel, George Town, Daerah Timur Laut.

3<sup>hb</sup> November 2013: Bengkel Kesamarataan Gender dalam Bahasa Mandarin untuk Pelajar Sekolah Menengah (kerjasama dengan *Neighbourhood Performance Group*) bertempat di Auditorium A, KOMTAR, George Town, Daerah Timur Laut.

28<sup>hb</sup> November 2013: Sesi mengenai *Gender dan Keluarga di Bengkel Jalinan Kasih*, bengkel khusus untuk pasangan berkahwin bertujuan mengukuhkan ikatan perkahwinan anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Pejabat SUK) untuk pekerja-pekerja Kerajaan Negeri bertempat di Copthorne Hotel, Tanjung Bungah, Daerah Timur Laut.

22<sup>hb</sup> Disember 2013: Pertandingan Drama Bahasa Mandarin Antara-Sekolah Menengah bertemakan Kesamarataan Gender (kerjasama dengan *Neighbourhood Performance Group*) bertempat di Auditorium A, KOMTAR, George Town, Daerah Timur Laut.

### Brigid Wanita Pulau Pinang

Pada Jun 2013, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melancarkan *Brigid Wanita Pulau Pinang* (BWPP), satu badan sukarela yang ditugaskan memobilisasi dan mendekati wanita dari pelbagai lapisan masyarakat dan lokasi di Pulau Pinang. Dalam jangka masa pendek, tanggungjawab utama BWPP adalah untuk mendaftar wanita yang layak untuk program-program sokongan yang dikendalikan Kerajaan Negeri, antaranya pemberian cenderahati kepada ibu tunggal dan suri rumah berumur 60 tahun dan ke bawah, kemudahan mikro-kredit untuk pemilik perniagaan kecil dan saringan mammogram percuma. BWPP juga akan berfungsi sebagai satu rangkaian bagi memudahcara latihan pembangunan kemahiran dan latihan kepimpinan dalam kalangan wanita Pulau Pinang.

PWDC telah dilantik sebagai sekretariat BWPP dan ditugaskan dengan penganjuran kursus induksi serta latihan kepimpinan untuk para ahli BWPP. Dalam waktu yang singkat yakni enam bulan, PWDC telah berjaya menganjurkan tujuh latihan induksi BWPP yang dihadiri 900 peserta di kesemua lima daerah dalam negeri Pulau Pinang. Menjelang penghujung 2013, lebih 1,500 wanita dari seluruh Pulau Pinang telah pun mendaftar sebagai ahli BWPP.

Jadual aktiviti untuk BWPP adalah seperti berikut:

22<sup>hb</sup> Jun 2013: Pelancaran Rasmi Brigid Wanita Pulau Pinang dan Kursus Induksi Pertama Brigid Wanita Pulau Pinang bertempat di Dewan Auditorium A, KOMTAR, George Town (untuk Daerah Timur Laut).

17<sup>hb</sup> Ogos 2013; Kursus Induksi Brigid Wanita bertempat di Summit Hotel, Bukit Mertajam (Bahasa Mandarin, untuk Seberang Perai Tengah).

1<sup>hb</sup> September 2013: Kursus Induksi Briged Wanita bertempat di Wawasan Open University, George Town (untuk Daerah Timur Laut).

21<sup>hb</sup> September 2013: Kursus Induksi Briged Wanita bertempat di B-Suite Hotel, Bayan Baru (untuk Daerah Barat Daya).

19<sup>hb</sup> Oktober 2013: Kursus Induksi Briged Wanita bertempat di Pusat Konvensyen Sunway Carnival, Seberang Jaya (untuk Seberang Perai Utara).

26<sup>hb</sup> Oktober 2013: Kursus Induksi Briged Wanita bertempat di Hotel D'Jawi Bella, Jawi (untuk Seberang Perai Selatan).

9<sup>hb</sup> November 2013: Kursus Induksi Briged Wanita bertempat di Summit Hotel, Bukit Mertajam (untuk Seberang Perai Tengah).

## Dialog Suara Wanita

Sepanjang 2013, PWDC telah mengadakan satu siri dialog di peringkat komuniti yang dikenali sebagai *Dialog Suara Wanita*, yang berjaya mendekati lebih 600 peserta di empat buah daerah di Pulau Pinang. Tujuan dialog informal tersebut adalah

untuk mendampingi wanita di peringkat akar umbi dalam usaha mengetahui akan kebimbangan, keluhan serta keperluan utama mereka. PWDC juga membantu menghubungkan peserta dengan pihak berkuasa yang bertanggungjawab menangani isu-isu yang diutarakan serta wakil institusi-institusi yang menawarkan bantuan seperti skim bantuan mikro-kredit dan bantuan kebajikan.

Memandangkan maklumbalas awam yang baik berhubung sesi dialog berkenaan, PWDC telah diminta oleh agensi negeri yang lain untuk menganjurkan sesi yang serupa bagi golongan belia dari Balik Pulau.

Jadual aktiviti berhubung siri Dialog tersebut adalah seperti berikut:

20<sup>hb</sup> Januari 2013: Dialog Suara Wanita Permatang Pauh: *Isu Wanita Setempat dan Cadangan Pelan Tindakan Wanita* bertempat di Dewan Yayasan Aman, Seberang Perai Tengah.

24<sup>hb</sup> Februari 2013: Dialog Suara Wanita Seberang Perai Selatan: *Isu Wanita Setempat dan Cadangan Pelan Tindakan Wanita* bertempat di Dewan Serbaguna Jawi, Seberang Perai Selatan.



3<sup>hb</sup> Mac 2013: Dialog Isu Wanita Seberang Perai Utara: *Isu Wanita Setempat dan Cadangan Pelan Tindakan Wanita* bertempat di Dewan JKKK Simpang Empat Permatang Buluh, Seberang Perai Utara.

30<sup>hb</sup> Mac 2013: Dialog Suara Wanita Daerah Barat Daya: *Isu Wanita Setempat dan Cadangan Pelan Tindakan Wanita* bertempat di Dewan MPPP, Balik Pulau, Daerah Barat Daya.

5<sup>hb</sup> Oktober 2013: Dialog Suara Anak Muda Balik Pulau bertempat di Auditorium C, KOMTAR, George Town, Daerah Timur Laut (kerjasama dengan Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC), Institut Pulau Pinang dan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang).

## Dasar Jagaan Kanak-Kanak, Pelan Tindakan dan Latihan



Kekurangan kemudahan penjagaan anak yang mudah capai, mampu dan berkualiti telah dikenalpasti sebagai salah satu faktor utama yang merencatkan penyertaan wanita dalam sektor tenaga kerja serta urusan masyarakat. PWDC berpendapat bahawa sokongan institusi serta pembekalan sumber yang lebih berupaya membantu merapatkan jurang gender dalam sektor ekonomi di samping mengurangkan beban yang ditanggung ibu bapa dan penjaga yang bekerja. Malah PWDC berpendapat bahawa seki-

ranya aliran penghijrahan wanita dari tenaga kerja ini dapat ditangani dengan substantif dan jayanya, Pulau Pinang mampu mengecapi kemajuan ekonomi yang lebih serta menikmati status pendapatan tinggi.

Untuk menyokong usaha ini, PWDC telah menjalankan satu kajian bertujuan menyelidik keperluan untuk kemudahan asuhan kanak-kanak yang berkualiti dan mampu di Pulau Pinang. Susulan itu satu dasar dan pelan tindakan telah digubal untuk penerimgunaan dan pelaksanaan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Hasilnya, Dasar Jagaan Kanak-Kanak Pulau Pinang dan Pelan Tindakan (2013-2015), satu inisiatif yang julung kali diperkenalkan di negara ini, telah dilancarkan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang pada tanggal 8<sup>hb</sup> Mac 2013 seiring dengan sambutan Hari Wanita Antarabangsa.

Berikutan pelancaran tersebut, PWDC menganjurkan taklimat untuk semua pemegang taruh, termasuk untuk mereka di peringkat majlis tempatan, bertujuan meraih sokongan bagi melicinkan pelaksanaan Pelan Tindakan yang digubal itu. PWDC juga memperolehi bantuan dari seorang pakar pemetaan GIS untuk membangunkan peta maklumat mengenai kesemua pusat asuhan kanak-kanak di Pulau Pinang. Peta maklumat ini akan berfungsi sebagai pangkalan data sumber untuk rujukan ibu bapa bekerja dan penjaga serta untuk membantu aspek pemantauan dan perancangan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

Untuk mengukuhkan lagi sektor asuhan di Pulau Pinang, PWDC menganjurkan lima sesi latihan asuhan kanak-kanak dan latihan sokongan susulan untuk lebih 190 peserta di seluruh Pulau Pinang. Menjelang Disember 2013, PWDC telah pun siap menubuhkan pusat jagaan kanak-kanak (taska) yang pertama di KOMTAR yang bermatlamat menawarkan perkhidmatan asuhan kanak-kanak yang berkualiti, mampu dan selamat untuk staf kerajaan. Taska ini juga berfungsi sebagai model kepada majikan di negeri ini yang berhasrat menawarkan perkhidmatan asuhan kanak-kanak untuk staf mereka sama ada dalam tempat kerja sendiri atau melalui pemberi khidmat asuhan luar.

Jadual aktiviti berkaitan asuhan kanak-kanak yang dipelopori PWDC adalah seperti berikut:

8<sup>hb</sup> Mac 2013 – Pelancaran Rasmi Dasar Jagaan Kanak-Kanak Pulau Pinang dan Pelan Tindakan (2013-2015) oleh YAB Lim Guan Eng pada Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2013 oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di Padang Kota Lama, George Town.

16<sup>hb</sup>-17<sup>hb</sup> Mac 2013: Latihan dua hari mengenai *Tatacara Penubuhan Taska di Rumah* di Dewan Taman Teluk, Teluk Kumbar, Daerah Barat Daya.

28<sup>hb</sup> Mac 2013: Taklimat kepada MPSP (semua ahli majlis dan ketua jabatan) mengenai *Dasar Jagaan Kanak-Kanak Pulau Pinang dan Pelan Tindakan (2013-2015)* serta garis panduan cadangan berhubung penubuhan pusat asuhan kanak-kanak dan tadika di Dewan MPSP, Bandar Perda, Seberang Perai Tengah.

10<sup>hb</sup> April 2013: Taklimat kepada MPPP (Jawatankuasa Tetap Perancangan) mengenai *Dasar Jagaan Kanak-Kanak Pulau Pinang dan Pelan Tindakan (2013-2015)* serta garis panduan cadangan berhubung penubuhan pusat asuhan kanak-kanak dan tadika di Dewan Bandaraya MPPP, George Town, Daerah Timur Laut.

25<sup>hb</sup>-30<sup>hb</sup> Mei 2013: Latihan enam hari bertajuk *Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak – Taska Di Rumah* bertempat di Hotel Sunway, Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah.

2<sup>hb</sup>-7<sup>hb</sup> Jun 2013: Latihan enam hari bertajuk *Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak – Taska Di Rumah* bertempat di Hotel Seri Malaysia, Kepala Batas, Seberang Perai Utara.

25<sup>hb</sup> Julai 2013: Sidang Media untuk pelancaran Brosur PWDC mengenai *Dasar Jagaan Kanak-Kanak Pulau Pinang dan Pelan Tindakan (2013-2015)* bertempat di Paras 4, KOMTAR, George Town, Daerah Timur Laut.

16<sup>hb</sup> November 2013: Majlis Perjumpaan Semula para graduan *Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak* kelolaan PWDC bertempat di Summit Hotel, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah.

30<sup>hb</sup> November – 1<sup>hb</sup> December 2013: Latihan dua hari tentang *Tatacara Penubuhan Taska Di Rumah* bertempat di Hotel B-Suite, Bayan Baru, Daerah Barat Daya.

19<sup>hb</sup> Disember 2013: Taklimat tentang *Taska D’Komtar* kepada staf Kerajaan Negeri yang bertugas di KOMTAR, bertempat di Auditorium C, KOMTAR, George Town, Daerah Timur Laut.



# DASAR GENDER DAN ADVOKASI (GPA)



## PENGENALAN

**P**rogram Dasar Gender dan Advokasi PWDC ditugaskan merangka dasar serta menjalankan usaha advokasi untuk menyegerakan penglibatan menyeluruh wanita dalam transformasi sosial, ekonomi dan politik Pulau Pinang. Tanggungjawab program GPA merangkumi pengenalanpastian faktor-faktor dan isu-isu spesifik yang menyumbang kepada ketidaksamarataan gender di negeri ini serta merangka strategi bagi menangani faktor-faktor tersebut dan mempromosi pengarusperdanaan gender dalam setiap sektor.

Untuk menyempurnakan tanggungjawab ini, pasukan GPA menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan dokumentasi agar dapat menggubal dasar responsif gender yang berpaksikan bukti empirikal serta memastikan kerja-kerja advokasinya bersandarkan asas yang kukuh. Untuk 2013, pencapaian utama pasukan GPA ialah penyiapan Dasar Gender Pulau Pinang dan Pelan Tindakan. Dasar Gender mencerminkan realiti sebenar situasi gender di Pulau Pinang manakala Pelan Tindakan pula menyarankan pelaksanaan tindakan substantif bagi mengatasi jurang gender yang sedia ada.

PWDC, melalui program GPA, telah juga berganding bahu dengan rakan kongsi dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mewujudkan kesedaran tentang pengarusperdanaan gender dan memudahcara proses keterangkuman dimensi gender ke dalam tadbir urus dan dasar setiap portfolio EXCO Negeri. PWDC juga bergiat aktif dalam memberikan input bagi membolehkan rakan kongsi lain dalam kerajaan negeri meneliti dan mencari penyelesaian untuk isu-isu berkaitan melalui kaca mata gender. Menerusi usaha-usaha seumpama ini, PWDC berharap dapat membantu dalam proses penginstitutionan tadbir urus partisipatif dan responsif gender di Pulau Pinang.

Dalam tahun 2013, pasukan GPA telah melakarkan kejayaan dalam aspek-aspek berikut:

### Merangka Dasar Gender

Pada tahun 2013, PWDC berjaya menggubal satu Dasar Gender dan Pelan Tindakan komprehensif



berasaskan prinsip bahawa wanita dan lelaki adalah warga yang memiliki hak sama rata dan seharusnya diberikan keadaan terbaik bagi memajukan potensi diri mereka serta mempunyai kuasa untuk merubah masyarakat dan kehidupan sendiri. Data rasmi dan statistik kuantitatif yang dikumpul ketika merangka dasar berkenaan menggambarkan dengan jelas akan kewujudan jurang gender dan ketidaksamarataan untuk wanita dalam kebanyakan sektor. Di samping itu, kewujudan jurang gender di Pulau Pinang juga disahkan oleh maklumbalas kualitatif yang dikumpul menerusi dialog dengan komuniti, temuramah serta perbincangan kumpulan fokus yang diadakan di seluruh negeri Pulau Pinang. Kesemua bukti kukuh ini dengan jelas mengisyaratkan wujud keperluan mendesak untuk penggubalan dasar dan perancangan tindakan secara sistematik serta pengagihan sumber secara optima bagi menangani isu-isu berkenaan.

Dokumen Dasar Gender menggariskan empat objektif utama yakni sekuriti ekonomi untuk semua, kebebasan dari keganasan berasaskan gender, agihan kuasa dan pengaruh yang saksama serta tadbir urus berciri partisipatif dan responsif gender di samping saranan-saranan untuk pelaksanaan. Dalam ertikata lain, Dasar Gender dan Pelan Tindakan ini bakal membentuk satu kerangka menyeluruh di bawah mana Kerajaan Negeri dan PWDC akan menggerakkan langkah-langkah spesifik untuk mempromosi dan mencapai kesamarataan gender dan keadilan sosial.

Di bawah objektif **Sekuriti Ekonomi untuk Semua**, Dasar Gender dan Pelan Tindakan mengagaskan bahawa penduduk Pulau Pinang harus menikmati tahap hak ekonomi dan hak sosial yang asas sekurang-kurangnya pada tahap minima. Tonggak kepada



prinsip ini adalah jaminan sekuriti ekonomi yang membenarkan setiap individu membuat pilihan hidup serta hidup bermaruah. Dalam konteks dasar gender ini, ia bermakna bahawa setiap wanita atau lelaki dewasa mesti berupaya membina kehidupan yang selamat dan bebas/berdikari tanpa mengira batasan gender atau status perkahwinan. Saranan-saranan utama di bawah objektif ini termasuklah meningkatkan kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh, mengurangkan pengangguran belia, menambahbaik peluang pemerolehan kerja dalam kalangan individu kurang upaya, menyediakan peruntukan kerja-hidup yang seimbang, perlindungan perundangan untuk semua pekerja dan penawaran sekuriti sosial untuk kumpulan rentan.

Di bawah objektif **Kebebasan dari Keganasan Berasaskan Gender**, Dasar Gender dan Pelan Tindakan mengenalpasti Keganasan Terhadap Wanita (VAW), Keganasan Terhadap Lelaki (VAM), kadar jenayah yang tinggi, dan ruang awam yang tidak selamat sebagai antara kebimbangan kritikal yang perlu ditangani segera. Saranan-saranan utama termasuklah membangunkan program komprehensif untuk menangani masalah VAW, bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pertubuhan berasaskan komuniti (CBO) untuk mengurangkan keganasan berasaskan gender serta memperolehi tebus rugi untuk mangsa, melaksanakan program sosial dan latihan kemahiran untuk belia dan merangkumkan prinsip-prinsip dan program-program inklusif gender ke dalam proses perancangan dan pembangunan bandar di Pulau Pinang.

Di bawah objektif **Agihan Kuasa dan Pengaruh Yang Adil**, Dasar Gender dan Pelan Tindakan melahirkan kebimbangan berkenaan isu ketidaksamarataan dalam agihan kuasa politik dan sosio-ekonomi antara lelaki dan wanita yang membawa implikasi negatif kepada pemenuhan keperluan wanita berhubung kesejahteraan, hak dan kebimbangan mereka. Saranan-saranan utama termasuklah menambah bilangan dan keupayaan substantif wakil wanita dalam semua peringkat tadbir urus, mengurangkan ketidakseimbangan gender dalam perkhidmatan awam dan sektor swasta, bergerak ke arah keseimbangan kerja-hidup, layanan dan

gaji yang sama rata untuk wanita bagi mengekalkan mereka dalam tenaga kerja dan memudahcara peralihan mereka ke jawatan kanan/tinggi.

Di bawah objektif **Tadbir Urus Responsif Gender dan Partisipatif**, Dasar Gender dan Pelan Tindakan membayangkan pengarusperdanaan tadbir urus yang responsif kepada pelbagai keperluan, minat, keutamaan serta tanggungjawab kedua-dua lelaki dan wanita. Isu-isu utama untuk pertimbangan termasuklah mengarusperdanakan konsep gender dalam Kerajaan Negeri bagi memastikan kesemua dasar, pelan dan program menghasilkan output yang adil untuk lelaki dan wanita, serta menambah kepada usaha-usaha pengarusperdanaan Bajet Responsif Gender dan Partisipatif (GRPB) yang kini rancak disemarakkan di peringkat kerajaan tempatan.

Berikutan penyiapannya pada September 2013, draf dokumen Dasar Gender tersebut telah diserahkan kepada pelbagai kumpulan pemegang taruh untuk maklumbalas tambahan dan penghalusan. Draft ini kini menunggu ulasan dari jemaah pembuat keputusan penting dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Aktiviti penting dan tarikh berkaitan proses membangunkan Dasar Gender dan Pelan Tindakan adalah seperti berikut:

1<sup>hb</sup>-17<sup>hb</sup> April 2013: Mesyuarat Perundingan dengan wakil Pejabat EXCO Negeri untuk Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Institut Pulau Pinang, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC), investPenang, MPPP dan MPSP, Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita (KANITA), Universiti Sains Malaysia, dan anggota komuniti kurang upaya.

5<sup>hb</sup> April 2013: Ceramah tentang Pengenalan kepada *Usaha Wajar dan Pematuhan Negeri ke arah Mengakhiri Keganasan Terhadap Wanita* disampaikan oleh Zarizana Abdul Aziz bertempat di Pusat Latihan Pusat Wanita untuk Perubahan Pulau Pinang (WCC), George Town.

6<sup>hb</sup>-21<sup>hb</sup> April 2013: Perbincangan Kumpulan Tumpuan Peringkat Komuniti untuk mendapatkan maklum balas tentang isu-isu bagi Dokumen Dasar Gender di WCC, Penang; PPR Jalan Sungai, George Town; dan Women's Rights Awareness Association (WRAA), Bukit Mertajam.

9<sup>hb</sup> April 2013: Perbincangan Strategik tentang 'Undang-Undang Keluarga Islam: Aplikasinya di Pulau Pinang, Strategi dan Tindakan untuk Penerapan dalam Dokumen Dasar Gender Pulau Pinang' dengan Sisters in Islam (SIS) di Pejabat PWDC, KOMTAR, George Town

20<sup>hb</sup> September 2013: Persiapan Draf Mutakhir Dasar Gender dan Pelan Tindakan.

### **Perwakilan dalam Badan-badan Pembuat Keputusan Peringkat Negeri**

Sebagai agensi utama bertanggungjawab memacu promosi kesamarataan gender dan pemerksaan wanita, PWDC telah dipelawa untuk mengambil bahagian dalam *Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK)* yang relevan serta menyumbang maklumbalas berkenaan isu-isu dasar dan keputusan yang dibuat. MMK yang terlibat termasuklah *MMK Agama Islam (Islamic Affairs)*, *MMK Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti (Women, Family and Community Development)*, dan *MMK Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas (Local Government and Traffic Management)*. PWDC bersyukur kerana diberi kepercayaan dan peluang untuk mewar-warkan perspektif gender dan dasar mesra-gender untuk pertimbangan dan ulasan rakan-rakan kongsi dari jabatan lain dalam pentadbiran Negeri.

### **Jalinan Rangkaian dan Perundingan dengan Rakan Kongsi Dalam dan Luar Negeri**

Sepanjang 2013, PWDC mengadakan beberapa sesi perundingan dan jalinan rangkaian dengan kumpulan dan individu tempatan, serantau dan antarabangsa. Sesi-sesi ini dianjurkan bagi mengongsi kefahaman dan pengalaman tentang pemerksaan wanita, kesamarataan gender dan keterangkuman sosial.

PWDC juga membantu Pejabat EXCO Negeri untuk Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti dalam pengendalian sesi dialog antara wakil Kerajaan Negeri dan NGO serta dengan kumpulan dan individu yang bekerja untuk kebajikan wanita dan kanak-kanak di Pulau Pinang. Sesi dialog ini membantu dalam pengenalpastian masalah kritikal di Pulau Pinang dan penggubalan strategi dan penyelesaian untuk pelaksanaan secara bersama.

Aktiviti utama termasuklah:

9<sup>hb</sup> September 2013: Sesi Perbincangan dan Perkongsian tentang isu-isu mengenai keganasan terhadap wanita dan model-model intervensi di Amerika Syarikat dengan Helen Rubenstein, seorang Peguam yang berkhidmat dalam Program Hak Asasi Wanita di Pertubuhan Peguam untuk Hak Asasi.

30<sup>hb</sup> September 2013: Bengkel untuk Kumpulan Tumpuan Think City mengenai Wanita, Keseimbangan Gender dan Kepimpinan di bawah tema Pulau Pinang Mampan: Ke Arah Agenda Mobiliti Baru kelolaan Professor Eric Britton.

26<sup>hb</sup> Oktober 2013: Dialog dengan NGO Wanita Pulau Pinang bertempat di Red Rock Hotel, George Town (membantu Pejabat EXCO Negeri untuk Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti).

7<sup>hb</sup> Disember 2013: Dialog dengan NGO Pulau Pinang, kumpulan dan individu yang bekerja untuk kebajikan kanak-kanak (membantu Pejabat EXCO Negeri untuk Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti).

19<sup>hb</sup> Disember 2013: Syarahan Umum Pasca-Matlamat Pembangunan Milenium anjuran PWDC dan Institut Pulau Pinang bertajuk 'Kerangka Pembangunan Baru dan Paradigma Pulau Pinang: Gender, Tadbir Urus dan Pembangunan Negara' menampilkan Judy Cheng-Hopkins, Timbalan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Sokongan Pembinaan Damai.



**“PWDC ingin merakamkan terima kasih kepada rakan kongsi dan kawan-kawan kita.”**

